

Newspaper	SelangorKini
Date	25 December 2015

Pulih imej negara dan Islam

# Najib patut bercuti

SelangorKini - 25/12/2015

**SHAH ALAM** - Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Razak perlu bercuti daripada menggalas jawatan itu bagi memulihkan imej negara yang terpalit dengan skandal 1Malaysian Development Berhad (1MDB).

Timbalan Presiden PAS, Tuan Ibrahim Tuan Man, berkata itu penting untuk memulihkan nama baik Presiden Umno, Malaysia dan juga Islam kerana siasatan perlu akan kelihatan adil sebelum keadilan dapat dilakukan.

Beliau berkata demikian reaksi kepada saranan Naib Presiden Umno, Datuk Hishamuddin Hussein bahawa tugas memulihkan imej Islam harus diberi keutamaan.

"Kita meminta Presiden Umno bercuti sehingga siasatan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara dan Ketua Audit Negara melengkapkan siasatan dan laporan terhadap 1MDB.

"Memperbaiki imej Islam bukan pada gaya pakaian atau negara tertentu tetapi ianya turut melibatkan penghayatan Islam dalam pelbagai bidang," kata Tuan Ibrahim dalam kenyataan medianya pada 21 Disember lalu.

Katanya, Kerajaan Persekutuan patut menghapuskan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) kerana ia bertentangan dengan Islam apabila fakir miskin turut dipaksa bayar cukai.

"Mengurangkan perbelanjaan kerajaan dan hidup berjimat kementerian seperti yang terpaksa dilakukan rakyat dalam menghadapi kemelut kejatuhan harga minyak dan juga kenaikan kos hidup yang semakin meruncing.

"Menyiasat Yapiem dengan telus dan terbuka dan memasti-



“

**Kerajaan Persekutuan patut menghapuskan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) kerana ia bertentangan dengan Islam apabila fakir miskin turut dipaksa bayar cukai.**

**TUAN IBRAHIM**  
Timbalan Presiden PAS

kan mereka yang didapati menyeleweng dana YaPIEM dibawa ke muka keadilan," katanya.

Katanya, semua perkara ini boleh dilakukan Umno tanpa PAS, sebagai langkah menunjukkan kepada rakyat, terutamanya mereka yang beragama Islam, kesungguhannya untuk mendaulatkan Islam.

"PAS pula meneruskan kerja dakwahnya agar rakyat dapat turut bersama memperjuangkan Islam sebagai Ad-deen dalam pentadbiran dan kehidupan rakyat," katanya.